



## KERATAN AKHBAR

KHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	22/12/2016	MUKA SURAT	:	31
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Ancaman kepupusan badak sumbu Sumatera

**B**aru-baru ini, media melaporkan bahawa penemuan tapak kaki haiwan di Lembah Danum di Sabah, dipercayai spesies badak sumbu Sumatera. Ia spesies badak terkecil dengan hanya panjang kira-kira 250 sentimeter (sm) dan tinggi antara 120 dan 145sm.

Berbanding spesies badak lain yang lazimnya menggerunkan dengan berat dan kekuatan luar biasa seperti yang lazimnya dionton di dalam dokumentari di saluran National Geographic, spesies ini boleh dikatakan 'comel'.

Meskipun begitu, berat badak sumbu Sumatera boleh mencecah 950 kilogram (kg), tetapi masih jauh ringan berbanding spesies badak lain. Laporan penemuan tapak kaki didakwa spesies badak sumbu Sumatera ini memberi harapan baru kepada saintis dan aktivis alam sekitar bahawa haiwan itu belum pupus di dalam hutan Malaysia. Ia terutamanya selepas laporan 11 saintis yang diterbitkan di dalam jurnal antarabangsa pada tahun lalu yang sepakat menyatakan bahawa tiada lagi badak sumbu Sumatera liar di hutan negara ini.

Pengurus Program Pemuliharaan Hutan Hujan Sabah, Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF), Sharon Koh Pei dilaporkan berkata, tapak kaki itu ditemui oleh pasukan antarabangsa di Lembah Danum antara 16 Ogos dan 29 Ogos lalu.

Bagaimanapun katanya, tiada pengesahan selak ini dan badak sumbu berkenaan tidak dilihat atau gambarnya diambil di kawasan pemantauan.

Selain itu, pasukan sama merancang untuk kembali ke kawasan berkenaan untuk mengadakan kajian lebih lanjut. Kurang seminggu selepas itu, pertubuhan bukan kerajaan, Borneo Rhino Alliance (BORA) dalam satu kenyataannya berkata, dakwaan bahawa tapak kaki itu tidak kukuh tanpa ada bukti imej tapak kaki yang didakwa berkenaan.

BORA yang aktif dalam usaha pemuliharaan badak sumbu Sumatera di Sabah berpendapat tanpa ada bukti meliputi imej tapak kaki dan hidupan berkenaan, adalah selamat pada peringkat ini untuk mengatakkan laporan itu hanya spekulasi.

Ini memandangkan jika kelibat hidupan itu benar-benar masih ada di hutan, ia akan mudah dilihat menerusi kamera pemantauan kerana ia mudah dilihat.

Ironinya, sama ada benar tapak kaki itu milik spesies badak sumbu Sumatera masih terbuka kepada perdebatan. Namun, ia sedikit tidaknya sekali lagi menarik

perhatian masyarakat berhubung usaha pemuliharaan badak sumbu ini. Meskipun media dari semasa ke semasa mengemukakan laporan ini, usaha melindungi kepupusan spesies badak sumbu Sumatera di negara ini masih dipandang sepi.

Ia mungkin disebabkan tidak ramai yang mengenali badak sumbu ini berbanding haiwan yang diancam kepupusan lain di negara ini seperti orang utan.

Tidak ramai yang tahu, ketika ini, hanya ada tiga badak sumbu Sumatera yang ditangkap dan diselamatkan dari hutan di negeri ini sebelum dipindahkan Santuari Badak Sumbu Borneo di Rizab Hidupan Luar Tabin. Seekor daripadanya jantan yang ditangkap, pada 2008 dan dua lagi badak betina ditangkap, masing-masing 2011 dan 2014.

Masalah yang dihadapi BORA kini adalah usaha untuk membiakkan spesies berkenaan tidak berhasil berikutan dua badak betina berkenaan memiliki masalah reproduktif atau kesuburan. BORA yang menajaga ketiga-tiga

badak sumbu Sumatera itu kini hanya bergantung kepada kaedah persenyawaan luar rahim atau in vitro (IVF) untuk menyelamatkan hidupan itu daripada kepupusan. Bagaimanapun, NGO itu bukan hanya perlu mengejar masa memandangkan usia badak itu yang sudah lebih 30 tahun, tetapi keteladanan dana untuk menwujudkan usaha membiakkan spesies badak sumbu Sumatera.

Sekiranya, ia kehabisan peruntukan, ia bermakna tiga badak sumbu Sumatera berkenaan adalah terakhir yang dilihat di negara ini.

Menurut Pengarah Eksekutif BORA, Datuk Dr John Payne bagaimanapun percaya kerjasama antara Indonesia yang masih memiliki sedikit badak sumbu Sumatera dapat membantu menyelamatkan hidupan itu dari pupus di Malaysia.

Katanya, tiada yang mustahil dengan perkembangan sains dan teknologi untuk membolehkan usaha membiak badak berkenaan dilaksanakan antara kedua negara.

Bagaimanapun, BORA dan WWF tidak boleh bergerak berseorangan dalam menwujudkan usaha bagi memastikan spesies pupus dari negara ini buat selama-lamanya. Tanpa dana dan sokongan pihak lain, kemungkinan besar generasi akan datang hanya mampu melihat imej badak ini - satu-satunya badak di Asia yang mempunyai dua tanduk - di dalam buku, jurnal atau pennebitan dalam talian atau online sahaja!

